



SAMSUDIN AWANG | BERITA HARIAN

FAIIZAL menunjukkan spesies periuk kera di Air Terjun Sungai Pandan, Kuantan.

Pokok periuk kera boleh pikat pelancong

KUANTAN: Pengunjung Air Terjun Sungai Pandan, Panching dekat sini berpeluang melihat satu lagi produk ekopelancongan terbaru di lokasi pelancongan berkenaan iaitu enam spesies tumbuhan periuk kera yang jarang ditemui.

Spesies paling unik dan terancam, *Nepenthes Rafflesiana* iaitu spesies terbesar sehingga mampu menampung kira-kira satu liter air di dalam 'periuk.'

Periuk kera jenis ini sering menjadi tumpuan pencinta alam dan pengkaji botani kerana pecahan subspecies dalam keluarganya yang terlalu banyak sehingga hampir 20 subspecies direkodkan di seluruh dunia.

Bagi memberi peluang kepada pelancong dan pengkaji mendekati spesies

tumbuhan unik ini, syarikat penyelenggara air terjun berkenaan, Sri Panching Timur Sdn Bhd dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), membuka sebahagian kawasan hutan itu untuk kunjungan awam sejak bulan lalu.

Pengurus syarikat itu, Faiizal Romli berkata, pihaknya sudah lama mengenal pasti kewujudan tumbuhan itu di hutan lipur berkenaan, namun tidak membukanya kepada kunjungan awam kerana faktor keselamatan pengunjung yang tidak terjamin di kawasan hutan tebal.

"Selain itu, kami bimbang tumbuhan itu akan terancam sekiranya terlalu didedahkan kepada pengunjung terutama masalah kecurian kerana periuk kera juga popular untuk perubatan, landskap

dan masakan tradisional.

"Bagaimanapun, selepas mengenal pasti potensi tinggi produk ekopelancongan itu, JPNP memperuntukkan dana membina prasarana laluan dan keselamatan pengunjung di kawasan hutan itu.

"Pengunjung boleh meninjau kawasan berkenaan di lokasi periuk kera yang sudah ditandakan dan mereka boleh menggunakan titi khas tanpa perlu meredah belukar atau berisiko diancam serangga berbisa ketika di situ," katanya.

Faiizal berkata, pihaknya mempelawa ahli akademik dari universiti tempatan untuk menjalankan kajian di situ supaya pengunjung mendapat maklumat tepat berhubung habitat, rupa bumi dan bilangan spesies

periuk kera di situ.

"Antara keunikan periuk kera di sini ialah habitatnya berada dalam kelompok berhampiran bagi kesemua enam spesies itu sedangkan kebiasaannya 38 spesies yang ditemui pengkaji di negara ini, ia tumbuh berjauhan di antara sama lain.

"Jika ada pengkaji dari universiti tempatan dapat menjalankan kajian dan mengesahkan spesies periuk kera itu, pastinya ia mampu meningkatkan lagi kesedaran penduduk setempat terhadap pemuliharaan sumber hutan negara," katanya.

Orang ramai yang berminat meninjau pelbagai spesies periuk kera di hutan lipur itu, boleh berkunjung ke air terjun berkenaan setiap hari antara jam 10 pagi sehingga 6 petang.